



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



SIARAN MEDIA

KARNIVAL PENDIDIKAN DAN KERJAYA DAERAH SABAK BERNAM WAJAR DITERUSKAN

SABAK BERNAM, 23 APRIL 2025 – Karnival Pendidikan dan Kerjaya Sabak Bernam anjuran Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam dengan kerjasama Kolej Komuniti Sabak Bernam dan Politeknik Sultan Idris Shah telah berjaya menarik lebih 700 pengunjung terdiri daripada pelajar-pelajar dan komuniti setempat.

Mendukung slogan “Inspirasi Kejayaan Komuniti”, karnival ini turut menghimpunkan institusi pendidikan khususnya yang ada di daerah ini bagi memberi pendedahan dan memperkenalkan program pengajian yang ditawarkan kepada pengunjung yang hadir di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar, semalam.

Pegawai Daerah Sabak Bernam Ali Sadikin Sadin berkata karnival ini merupakan julung kali diadakan dan besar harapan beliau untuk kekal dilaksanakan sebagai acara tahunan.

“Pelaksanaan program ini adalah berpunca daripada data pelajar-pelajar anak tempatan yang sangat rendah di Politeknik Sultan Idris Shah, Kolej Komuniti Sabak Bernam dan Pusat GIATMARA. Sedangkan institusi-institusi ini sangat hebat pencapaiannya,” ujarnya.

“Matlamat karnival ini adalah untuk memberi pendedahan serta peluang kepada belia di Daerah Sabak Bernam agar menyambung Pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang ada di daerah ini,” jelasnya ketika merasmikan majlis penutup karnival.

Sebanyak 16 reruai bagi pameran interaktif melibatkan institusi-institusi pendidikan dan agensi laluan kerjaya antaranya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Unit Pengambilan Universiti (UPU), MRSM Sungai Besar, Kolej Tingkatan Enam Tunku Abdul Rahman Putra (KiSTARP) dan GIATMARA.

Sementara terdapat 10 usahawan institusi dan tempatan berpeluang membuka reruai keusahawanan bagi memperkenalkan produk yang dihasilkan. Turut serta ialah pengusaha keropok lekor dan popia sata dari Syarikat KH Niaga (Mokla Food) yang juga merupakan Alumni Kolej Komuniti Sabak Bernam.

Lebih mengujakan, GIATMARA Sabak Bernam turut menawarkan khidmat servis motosikal percuma kepada 100 pengunjung terawal yang diselenggara oleh pelajar-pelajar mereka sendiri.

Turut hadir Orang Besar Daerah Sabak Bernam Dr. Paridul Adras Ismail, Pengarah Kolej Komuniti Sabak Bernam Ahmad Arman Nor Anuar, Pengarah Politeknik Sultan Idris Shah Haslinda binti Abd Hamid, dan Mohd Zakiyuddin bin Abdul Hamid; Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sabak Bernam Mohd Zakiyuddin Abdul Hamid.

-TAMAT-

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
013-5227517**